



TIGA beradik kelihatan sugul ketika menunggu jenazah.

Oleh Mohd Hafizee Mohd Arop hafizee@nstp.com.my

Ipoh

Suasana pilu menyelubungi Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) sebaik tiga beradik dibawa melihat jenazah adik bongsu mereka yang maut selepas terjatuh dalam lubang kumbahan di Kuarters Balai Polis Pasir Puteh, semalam.

Ketiga-tiga beradik, Mohamad Syafiq Ahmad Hafiz, 10, Muhamad Syakir Zufairi, 7, dan Muhamad Asyraf, 6, dilihat meraung dan menangis selepas melihat jenazah adik mereka, Muhamad Anas Hadif, 3.

Suasana semakin sebak sebaik Mohamad Syafiq dilihat merapatkan dirinya ke dinding dan menangis sebelum ditenangkan ahli keluarganya manakala dua adiknya menutup muka mereka.

Dalam kejadian jam 8 pagi itu, mayat Muhamad Anas Hadif ditemui di dalam lubang kumbahan selepas dipercayai terjatuh dalam lubang itu ketika bermain dengan dua abangnya di kawasan kuarters berkenaan.

Bapa mangsa, Lans Koperah Ahmad Hafiz



Pada mulanya saya sangka dia dilanggar kenderaan kerana mendengar abangnya menjerit"

Ahmad Hafiz

Mustafa, 32, berkata, ketika kejadian dia bersama isteri berada di dalam rumah manakala tiga anaknya bermain di kawasan hadapan kuarters.

Dia dikejutkan dengan jeritan anak ketiganya, Muhamad Asyraf menyebabkan dia terus keluar sebelum mendapati anak bongsunya tiada bersama dua abangnya itu.

"Pada mulanya saya sangka dia dilanggar kenderaan kerana mendengar abangnya menjerit namun saya terkejut apabila melihat anak bongsu saya tiada dan mencarinya di sekitar kawasan.

"Saya kemudian melihat dalam lubang kumbahan

yang lubang penutupnya terbuka dan melihat selipar anak saya terapung di dalam air kumbahan berkenaan," katanya di Jabatan Forensik HRPB, semalam.

Ahmad Hafiz berkata, keempat-empat anaknya ada bermain di kawasan lubang kumbahan itu yang terletak di belakang balai petang kelmarin sebelum tiga beradik dipercayai sekali lagi bermain di kawasan itu semalam.

Menurutnya, anak bongsunya seorang yang manja serta tidak boleh berenggang dengannya serta isteri, Sofiah Mohd Teridi, 32.

Katanya, dia baru saja sebulan tinggal di kuarters berkenaan selepas ditukarkan dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Manjung ke Bahagian Kem Komandan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak.

"Walaupun perit dan sedih dengan kemalangan menimpa anak saya ini, saya reda kerana Allah lebih menyayanginya," katanya.



MOHAMAD Syafiq tidak dapat menahan kesedihan ketika melihat jenazah Muhamad Anas di HRPB, semalam.



Lubang kumbahan dipercayai dibuka

Ipoh: Lubang kumbahan di Kuarters Balai Polis-Pasir Puteh ditutup sepanjang masa namun dipercayai dibuka kumpulan kanak-kanak termasuk empat beradik berkenaan, petang kelmarin.

Mereka dipercayai tidak menutupnya kembali sebelum berlaku tragedi mengorbankan nyawa kanak-kanak berusia tiga tahun semalam.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner A Asmadi Abdul Aziz berkata, siasatan awal mendapati penutup lubang boleh dibuka dan pemantauan sebelum ini mendapati ia sentiasa tertutup.

"Lubang itu bertutup dan ia dipercayai dialihkan kumpulan kanak-kanak petang semalam (kelmarin) yang bermain di kawasan berkenaan, jadi lubang itu bukan

dibiarkan tanpa ditutup. "Siasatan mendapati lubang itu tidak ditutup sejak petang kelmarin dan ia satu kemalangan," katanya di Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), semalam.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 8.16 pagi sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pasir Puteh bergegas ke lokasi kejadian.

Sebaik tiba pihaknya mendapati seorang kanak-kanak lelaki terjatuh ke dalam lubang kumbahan sebelum anggota menggunakan pam untuk mengeluarkan air kumbahan bagi memudahkan mayat dikeluarkan.

"Mayat mangsa diserahkan kepada polis sebelum operasi tamat jam 9.36 pagi," katanya.